

Akta Laut Wilayah 2012 tak langgar Perlembagaan

B4

30/04/24 m/s 3

Tiada keperluan pinda mengikut kehendak negeri buat masa kini

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) yang mengehadkan sempadan maritim negeri sehingga tiga batu nautika iaitu 5.5 kilometer dari kawasan pantai tidak melanggar perlembagaan kerana pentadbiran dan bidang kuasa ke atas wilayah laut bukanlah terletak pada Senarai Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, pakar undang-undang maritim dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli, berkata tiada keperluan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan buat masa ini bagi mengikut kehendak negeri dalam konteks bidang kuasa Akta 750.

Beliau berkata, Konvensyen Undang-Undang Laut 1982

(LOSC) selaku triti multilateral antarabangsa yang mentadbir wilayah kelautan sehingga hari ini secara jelas menetapkan bidang kuasa ke atas wilayah laut terletak di bawah Kerajaan Persekutuan dan bukannya negeri.

"Bagi menguatkuasakan peruntukan LOSC dalam undang-undang domestik, Malaysia menggubal Akta 750 yang mana Bahagian II LOSC menetapkan perairan dalaman termasuk pelabuhan, teluk dan kuala sungai, manakala Artikel 3 triti itu menyimpulkan sesebuah negara pesisir boleh menuntut sehingga 12 batu nautika wilayah laut dari garis pangkal negara pesisir."

"Terma 'negara' digunakan dalam LOSC merujuk kepada negara berdaulat dan bukanlah negeri komponen di dalam sesebuah negara. Dalam erti lain peruntukan LOSC membenarkan Malaysia menuntut sehingga 12 batu nautika wilayah laut, tetapi hak ini tidak terpakai untuk mana-mana negeri komponen dalam Malaysia."

"Malaysia mempunyai kedudukan sepenuhnya ke atas wilayah laut yang terdiri perairan dan dasar laut di dalam zon ini. Oleh itu, bidang kuasa ke atas wilayah laut sepatutnya diserahkan ke-

pada kerajaan Persekutuan yang mewakili negara Malaysia yang berdaulat dan bukannya kerajaan-kerajaan negeri dalam Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan pakar perlembagaan, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, yang berpendapat kerajaan Terengganu perlu mencabar kesahan Akta Laut Wilayah (Akta 750) di mahkamah jika serius mahu menolak pemakaianya.

Tolak Akta 750

Wan Ahmad Fauzi berkata, walaupun Akta 750 masih sah, ia tidak berperlembagaan kerana bercanggah Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, beliau berkata, Majlis Raja-Raja perlu bersetuju dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dipinda sebelum mana-mana undang-undang Persekutuan boleh mengambil wilayah perairan sesebuah negeri dengan kaedah mengenakan batasan had.

Terdahulu, Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu menolak Akta 750 dengan alasan ia membataskan hak negeri itu merokai sumber dan hasil melalui sempadan maritim negeri

sekadar tiga batu nautika dari pada garis air surut wilayah Terengganu.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata DUN Terengganu meluluskan usul menolak Akta Laut Wilayah 2012 kerana dilihat tidak menepati syarat seperti mana ditetapkan dalam Perkara 2(b) dan Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 2(b) menyatakan undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.

Perkara 38(4) pula menyatakan tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Bagaimanapun, Pejabat Perdana Menteri melalui kenyataan memaklumkan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) sah dan terpakai di seluruh negara termasuk Terengganu walaupun DUN negeri itu memutuskan menolaknya dan ia hanya terbatas seki-

Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (LOSC) selaku triti multilateral antarabangsa yang mentadbir wilayah kelautan sehingga hari ini secara jelas menetapkan bidang kuasa ke atas wilayah laut terletak di bawah Kerajaan Persekutuan dan bukan negeri.

Mohd Hazmi Mohd Rusli,
Pakar
undang-
undang
maritim
dari USIM



ranya diisyiharkan sebaliknya oleh mahkamah.

Untuk rekod, selepas Persekutuan Malaya dibentuk semula sebagai Persekutuan Malaysia pada 1963, Malaysia secara aktif mengambil bahagian dalam Persidangan Ketiga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS III) yang berlangsung dari 1973 hingga 1982 di New York. UNCLOS III berjaya menghasilkan LOSC.